

Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

VoA 2024
Volume 20 Issue 1

ISSN: : 1985-5079

ADVISORY BOARD MEMBER
PROFESSOR DR. ROSHIMA HAJI. SAID
ASSOCIATE PROFESSOR TS. DR. AZHARI MD HASHIM

CHIEF EDITOR
DR. JUNAIDA ISMAIL

MANAGING EDITOR
MOHD NAZIR RABUN

COPY EDITOR
SYAHRINI SHAWALLUDIN

EDITORIAL TEAM
AISHAH MUSA
ETTY HARNIZA HARUN
INTAN SYAHRIZA AZIZAN

EDITORIAL TECHNICAL TEAM (MYCITE ADMINISTRATOR)
KHAIRUL WANIS AHMAD
NOOR AZLIN ABDULLAH
MAZURIAH AHMAD

EDITORIAL BOARD

PROFESSOR DR. DIANA KOPEVA
UNIVERSITY OF NATIONAL AND WORLD ECONOMY, SOFIA, BULGARIA

PROFESSOR DR. KIYMET TUNCA CALIYURT
FACULTY OF ACCOUNTANCY, TRAKYA UNIVERSITY, EDIRNE, TURKEY

PROFESSOR DR. M. NAUMAN FAROOQI
*FACULTY OF BUSINESS & SOCIAL SCIENCES, MOUNT ALLISON UNIVERSITY,
NEW BRUNSWICK, CANADA*

PROFESSOR DR. SIVAMURUGAN PANDIAN
SCHOOL OF SOCIAL SCIENCE, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG

DR. IRA PATRIANI
FISIP, UNIVERSITAS TANJUNGPURA UNTAN, INDONESIA

DR. RIZAL ZAMANI IDRIS
*FACULTY OF SOCIAL SCIENCE & HUMANITIES,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS), SABAH*

DR. SIMON JACKSON
FACULTY OF HEALTH, ARTS AND DESIGN,
SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY MELBOURNE, AUST

DR. AZYYATI ANUAR
FACULTY OF BUSINESS MANAGEMENT,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. FARYNA MOHD KHALIS
COLLEGE OF CREATIVE ARTS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR IDA NORMAYA MOHD NASIR
FACULTY COMPUTER SCIENCE AND MATHEMATICS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR MOHD FAIZAL JAMALUDIN
FACULTY OF ACCOUNTANCY,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. MUHAMAD KHAIROL ANUAR ZULKEPLI
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR NOR ARDIYANTI AHMAD
FACULTY OF ADMINISTRATIVE SCIENCES & POLICY STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR NURLELI, S.E.
FACULTY OF ACCOUNTING, UNISBA, INDONESIA

CONTENT REVIEWER

PROF MADYA DR NOOR ZAHIRAH MOHD SIDEK,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

PROF MADYA DR NUR HISHAM IBRAHIM,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)PERAK BRANCH, MALAYSIA

PROF MADYA TS DR AZHARI BIN MD HASHIM,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR IDA NORMAYA MOHD NASIR,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR LAW KUAN KHENG,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. MUHAMAD KHAIRUL ANUAR ZULKEPLI
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. NEESA AMEERA MOHAMMED SALIM
COLLEGE OF CREATIVE ARTS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM, MALAYSIA

DR NOR ARDYANTI BINTI AHMAD,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR NOR ASHIKIN AB MANAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) PERAK BRANCH, MALAYSIA

DR NUR AIDA BINTI KIPLI,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)SARAWAK BRANCH, MALAYSIA

DR NUR SYAZWANIE BINTI MANSOR,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR NURAMIRA ANUAR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)PERAK BRANCH, MALAYSIA

DR PUTERI ROHANI MEGAT ABDUL RAHIM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)PERAK BRANCH, MALAYSIA

DR ZURAIDA MOHAMMED ISA,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

F. PETER A/L G. FRNCIS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)PERAK BRANCH, MALAYSIA

MOHD SYAFIQ YA SHAK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)PERAK BRANCH, MALAYSIA

LANGUAGE REVIEWER

PROF DR ONG ENG TEK
EDUCATION DEPARTMENT, USCI, KUALA LUMPUR
ANNUR INITATIVE RESOURCES SDN BHD

AISHAH BT MUSA,
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR ZARLINA MOHD ZAMARI
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)PERAK BRANCH, MALAYSIA

DR NUR SYAZWANIE BINTI MANSOR,
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

JUWAIRIAH OSMAN,
UNIVERSITI MALAYA , MALAYSIA

MOHD ZAKI RAMLI,
PROOFREADER UNITED, MALAYSIA

MUHAMMAD AIMAN ABDUL HALIM,
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)PENANG BRANCH, MALAYSIA

NORLIZAWATI MD TAHIR,
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

SAMSIAH BINTI BIDIN,
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)KEDAH BRANCH, MALAYSIA

YANG SALEHA ABD GHANI,
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)PERLIS BRANCH, MALAYSIA

e-ISSN: 2682-7840



Copyright © 2024 by the Universiti Teknologi MARA Press

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

TABLE of CONTENTS

KECEMERLANGAN DALAM AL-QURAN SEBAGAI STRATEGI PEMERKASAAN GENERASI MUDA MELAYU BUMIPUTERA ¹Noor Syahidah Mohamad Akhir	1 -11
EXPLORATORY APPROACH UTILISING VIRTUAL REALITY TECHNOLOGY TOOLS FOR DONGBA SCRIPT CULTURAL HERITAGE PROMOTION Liang Xin¹, Azhari Md Hashim² & Li Wen Feng³	12 -24
ASSESSMENT OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH AWARENESS OF PUBLIC SERVANTS IN THE WORKPLACE Rosley Jaafar¹, Norazah Umar², Anas Ibrahim³ & Muhammad Aiman Abdul Halim⁴	25 - 41
MUSLIM YOUNG CONSUMER INTENTION TO PURCHASE HALAL COSMETIC AND PERSONAL CARE PRODUCTS Zulaiha Ahmad¹, Farah Lina Azizan², Shamshul Anaz Kassim³, Ima Ilyani Dato' Hj. Ibrahim⁴, Muhammad Amirul Afiq Zailani⁵	42 - 54
THE APPLICATION OF GOOGLE CLASSROOM FROM MALAYSIAN TEACHERS' PERSPECTIVE Peter Ong¹ & Md Jais Ismail²	55 - 68
DETERMINATION OF FACTORS CONTRIBUTING TO DRUG ABUSE USING FUZZY ANALYTICAL HIERARCHY PROCESS (FAHP) Norpah Mahat¹, Nur Khairunnisa², Jasmani Bidin³, Sharifah Fhahriyah⁴, Mohamad Najib Mohamad Fadzil⁵, Izleen Ibrahim⁶	69 - 82
MEDICAL STUDENTS' ATTITUDES TOWARDS MUSIC EDUCATION: AN EXPLORATORY RESEARCH IN NINGXIA Zhikai Wang¹, Boo Ho Voon ², Yusman Yacob³ & Ying Lang⁴	83 - 94
A COMPARISON OF MOTIF DESIGNS BETWEEN TENUN PAHANG DIRAJA AND TERENGGANU SONGKET Mas Ayu Zainal @ Ismail¹, Siti Rohaya Yahaya² & Nani Hartina Ahmad³	95 - 104
EXPLORING THE LEGAL FRAMEWORK AND POLICIES OF CLIMATE CHANGE ACROSS BORDERS: LOCAL GOVERNMENT RESPONSE TO CLIMATE CHANGE IN SELECTED ASEAN COUNTRIES Nor Zaini Zainal Abidin¹, Nur Irinah Mohamad Sirat² & Nurul Mazrah Manshor³	105 - 119
FACTORS IMPACTING THE COMPANY'S PROFITABILITY IN FARMING AND AGRICULTURE SECTORS Nur Hafizah Ahmad¹, Nurul Labanihuda Abdull Rahman² & Abdul Hafiz Yusof³	120 - 133
DEVELOPING TRANSFORMATION MODULES FOR YOUNG INMATES IN MALAYSIAN PRISON SCHOOLS Storey, J. M¹ & Jawing, E²	134 - 144
LEARNERS' LANGUAGE ANXIETY AND ENGLISH LANGUAGE LEARNING MOTIVATION: AN EXPLORATORY ANALYSIS Nurshahirah Azman¹, Mirza Madihah Zainal², Noor Fazzrienee JZ Nun Ramlan¹ & Amirah Athirah Amir Yazid¹	145 - 158
THE IMPLEMENTATION OF TASK BASED LANGUAGE TEACHING (TBLT) TO IMPROVE ESL STUDENTS' FLUENCY Daljeet Singh Sedhu¹, Jufiza A. Wahab², Mohd Nasurudin Hasbullah³, Thuraiya Mohd⁴ & Azrul Bahaluddin⁵	159 - 173

ENHANCING GRAMMAR LEARNING MOTIVATION: A PRELIMINARY STUDY ON A MOBILE-ASSISTED INSTRUCTION TOOL Aisyah Nazamud-din ^{1*} & Nur Aziela Aidit ²	174 - 185
IN-SERVICE ENGLISH TEACHERS' BELIEFS OF GRAMMAR TEACHING AT PRIMARY SCHOOLS IN SELANGOR, MALAYSIA Azrina binti Abu Bakar ^{1*}	186 - 194
COMPETITION-BASED LEARNING AND PROJECT-BASED LEARNING TO PROMOTE UNDERGRADUATE STUDENTS' MOTIVATION AND PERFORMANCE IN MATHEMATICS Tammie Christy Saibin ^{1*} , Ung Ling Ling ² , Janvin Janteng ³ & Norfazillah Matmali ⁴	195 - 212
ENHANCING LITERACY ENGAGEMENT WITH CULTURALLY RELEVANT READING MATERIALS FOR FOREIGN LANGUAGE LEARNERS Auni Batrisyia Suharto ^{1*} , Puteri Rohani Megat Abdul Rahim ² , Nuramira Anuar ³ & Nor Najihah Norafand ⁴	213 - 220
LEARNING STYLES OF DIPLOMA STUDENTS AT A PUBLIC UNIVERSITY IN MALAYSIA POST COVID-19 PANDEMIC Noraziah Azizan ^{1*} , Nor Ashikin Ab Manan ² , Johana Yusof ³ & Iza Faradiba Mohammad Patel ⁴	221 - 231
VOCABULARY ENHANCEMENT THROUGH POETRY WRITING IN ESL CLASSROOM Nur Baiti binti Ismail Shauki ^{1*} & Juliazilah binti Junit ²	232 - 244
FACTORS THAT INFLUENCE PURCHASE INTENTION OF SECOND-HAND PRODUCTS Nor Ashikin Ab Manan ^{1*} & Nor Nadia Raslee ²	245 - 254

KECEMERLANGAN DALAM AL-QURAN SEBAGAI STRATEGI PEMERKASAAN GENERASI MUDA MELAYU BUMIPUTERA

¹Noor Syahidah Mohamad Akhir

*Academy Contemporary Islamic Studies,
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kedah Branch, Kedah, MALAYSIA*

ARTICLE INFO

Article history:

Received Feb 2022
Accepted Aug 2023
Published Jan 2024

Keywords:

Kecemerlangan, al-Quran, pemerksaan, generasi muda, Melayu Bumiputera

Excellence, al-Quran, empowerment, young generation, Bumiputera Malays.

Corresponding Author:
noorsyahidah9177@uitm.edu.my

ABSTRACT

Generasi muda Melayu Bumiputera merupakan aset penting untuk kemajuan dan pembangunan masa hadapan negara. Justeru itu, usaha kearah pemerksaan generasi ini dilihat perlu untuk memastikan ia berjaya. Artikel ini menfokuskan pembinaan model kecemerlangan mengikut acuan al-Quran untuk generasi muda. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan metode kajian perpustakaan dan analisa kandungan. Rujukan berbentuk artikel, buku, statistik dan analisis kandungan al-Quran digunakan. Perkataan *Muflihin*, *Muflihun* dan *Ulul al-Bab* dipilih dalam kajian ini. Hasil kajian merupakan model kecemerlangan yang boleh diterapkan kepada generasi muda Melayu Bumiputera dalam memperkasakan golongan ini.

Young Malay Bumiputeras are an important asset for the progress and future development of the country. Therefore, efforts towards empowering this generation are seen as necessary to ensure their success. This article focuses on the construction of a model of excellence for the younger generation based on the Quran. The study employs the qualitative methods, including library research and content analysis. References in the form of articles, books, statistics, and content analysis of the Quran are utilized. The terms "Muflihin," "Muflihun," and "Ulul al-Bab" are selected in this study. The research outcome is a model of excellence that can be applied to empower the younger generation of Malay Bumiputeras.

1. Pengenalan

Pepatah Melayu menyebut “Pemuda tiang negara, pemudi harapan bangsa”. Pepatah ini menggambarkan bahawa tanggung kekuatan sesebuah masyarakat dan negara terletak pada kualiti generasi muda (Sidek Baba 2010). Hal ini diibaratkan seperti tiang asas sokongan yang menjadi harapan kepada bangsa dan negara. Seandainya ramai generasi muda yang terlibat dengan isu keruntuhan moral dan akhlak, maka fenomena ini petanda awal kepada kemunduran sesuatu bangsa (Zazak Soraya 2017). Justeru itu, isu melibatkan generasi muda sering menjadi perbincangan dan fokus kepelbagaian kajian agar tindakan dan pencegahan dapat diambil lebih awal.

Globalisasi menjadikan dunia tanpa sempadan. Situasi ini memberi kesan positif dan negatif. Dari sudut positif dapat meningkatkan komunikasi dan pencarian maklumat dengan lebih pantas. Kemahiran komunikasi khusus dalam menguasai bahasa juga dapat ditingkatkan. Namun, kesan negatif menjadi kebimbangan, khususnya dalam kemasukan budaya asing yang bercanggah dengan budaya dan norma sesuatu masyarakat (Umar Sholahudin, 2019). Pelbagai pengaruh ideologi pemikiran mempengaruhi kehidupan dan gaya pemikiran, khususnya remaja. Unsur-unsur bercanggah antara agama dan budaya tempatan dilihat sebagai ancaman yang perlu diberi perhatian serius.

Statistik tangkapan juvana di Malaysia antara tahun 2016-2021 menunjukkan peningkatan tangkapan antara tahun 2016 (7,985) hingga 2017 (8,118), manakala tahun 2019-2021 menunjukkan penurunan tangkapan, iaitu 1311 tangkapan pada tahun 2021 (Portal Rasmi Malaysia Youth Data Bank System). Penurunan kes berkemungkinan rentetan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walaupun terdapat penurunan kes, bilangan angka masih membimbangkan. Pemerkasaan sahsiah dan akhlak generasi muda adalah perlu kerana mereka merupakan nadi kemajuan sesebuah negara.

Sehubungan itu, artikel ini melihat kepada keperluan pembangunan model berteraskan al-Quran dalam pemerkasaan golongan muda atau belia. Pemerkasaan golongan ini penting agar kecemerlangan pada masa hadapan terjamin. Integrasi antara Falsafah Pendidikan Kebangsaan, kecemerlangan dalam al-Quran dan peranan beberapa pihak yang dimuatkan dalam pembangunan model ini diharapkan mampu memperkasakan belia negara.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Konsep Kecemerlangan

Hasil tinjauan lepas mendapati pelbagai kajian kecemerlangan berkaitan generasi muda. Artikel yang ditulis oleh Eneng Martini (2018) berkaitan model pembelajaran abad 21 dalam membangunkan karekter generasi muda yang perlu mengasah kemahiran *soft skill* dan *hard skill*. Menerusi artikel Mohd Ismail Mustari (2004), memaparkan pandangan sarjana Islam dan sarjana Barat berkaitan pemuda cemerlang. Berdasarkan perspektif Islam, seorang pemuda cemerlang perlulah mempunyai kerohanian yang baik, pengurusan diri, kemahiran bersosial, berorganisasi, kemahiran kepimpinan, berkomunikasi dan berdakwah. Mazdi Marzuki (2021) bersetuju bahawa universiti sebagai tempat pembentukan akhlak mahasiswa memandangkan universiti tempat melahirkan manusia yang berilmu dan beradab. Kajian-kajian yang dilihat

adalah kajian umum yang berbentuk konseptual yang tidak berkaitan dengan pembangunan model.

Al-Quran banyak memaparkan berhubung kecemerlangan. Beberapa kajian lepas berkaitan kecemerlangan dalam al-Quran telah dirujuk. Berdasarkan artikel Abdul Mukti Baharudin (2020) bertajuk "*Al-Falah Menurut Perspektif Al-Quran*" memaparkan konsep *al-falah* disebut sebanyak 40 kali dalam al-Quran dalam dua bentuk, iaitu kata nama dan kata kerja. Kata nama yang disebut adalah *Al-Muflihun* dan *Al-Muflihin*. Manakala kata kerja adalah *Aflaha*, *Yuflihu*, *Yuflihun*, *Tuflihuu* dan *Tuflihun*. Kajian tersebut memaparkan terdapat 13 ayat kata nama dan 27 ayat kata kerja yang menjurus kepada kecemerlangan dalam al-Quran. Ini lengkap dengan paparan setiap surah dan nombor ayat berkaitan. Artikel tersebut berkaitan kajian tematik dan tiada pembangunan model kecemerlangan khusus kepada generasi muda.

Seiring dengan pembangunan arena pendidikan di Malaysia, model *Ulul al-Bab* banyak dibahaskan dan diketengahkan. Menurut Nur Anis Abdullah (2018) menerusi artikel "Pembinaan Modul Pemantapan Sahsiah *Ulul Al-bab* bagi Pelajar Islam" memaparkan terdapat 16 kali perkataan *Ulul al-Bab* disebut dalam al-Quran. Kaji selidik berhubung modul sahsiah yang telah dilaksanakan itu memberi impak positif. Menurut Mohd Radzi Taib (2016), *Ulul al-Bab* merupakan orang-orang yang berfikir dan bertindak dengan kemurnian suara hati. Artikel tersebut memaparkan model kepimpinan *Ulul al-Bab* menurut persepsi pelajar dan guru. Hasil kajian tersebut mendapati terdapat persamaan persepsi pelajar dan guru yang membentuk model masing-masing, antaranya kerohanian, emosi dan persekitaran.

2.2 Generasi Muda

Ungkapan "Takkan Melayu hilang di dunia, selagi Melayu berpegang dengan agama Islam". Kata-kata keramat ini menggambarkan bahawa seandainya bangsa Melayu menolak agama dalam kehidupan, maka akan rosaklah bangsa tersebut. Bangsa Melayu diangkat menjadi bangsa bertamadun setelah memasuki Islam ke Nusantara (Halim et al., 2013). Tamadun Melayu Islam terhasil atas penguasaan masyarakat terhadap ilmu dan pendidikan, bahasa dan tulisan, politik dan pemerintahan yang tersusun, sistem perundangan, sistem kepercayaan, sistem ekonomi, sistem sosial masyarakat dan kesenian Melayu Islam (Mohammad, 2005). Elemen-elemen tersebut menjadi garis ukur kepada pencapaian kehidupan bertamadun masyarakat Melayu dan bumiputera sejak era sebelum kedatangan penjajah.

Budaya dan adat Melayu banyak dipengaruhi oleh agama Islam (Kori Lilie Muslim 2018). Islam antaranya mengajarkan masyarakat Melayu berhubung sikap toleransi, hormat menghormati, kasih sayang, tolong menolong, tidak membuat kerosakan dan tidak berbuat kemungkar (Halim et al., 2013). Rentetan peraturan tersebut terhasilnya undang-undang dalam kerajaan Melayu Islam, dan ini dibuktikan melalui penemuan Batu Bersurat Terengganu dan Hukum Kanun Melaka (Abdul Rahim et al., 2010). Adat budaya harian masyarakat turut diwarnai oleh agama Islam seperti etika pakaian, etika makan dan etika pergaulan. Agama Islam telah membentuk masyarakat yang bermoral tinggi, seterusnya pemangkin kepada kualiti generasi muda.


Generasi muda atau belia merupakan aset terpenting negara. Golongan ini adalah pemacu kepada kemajuan dan transformasi sesebuah negara. Menurut Nik Safiah Nik Abdullah (2015), pembangunan belia daripada sudut perspektif Islam adalah penting, iaitu dengan pembentukan akhlak belia dan kemahiran untuk belia yang terdiri daripada elemen kemahiran kerohanian, pengurusan diri, sosial dan kepimpinan. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Siti Sarawati Johar (2021), kecerdasan emosi sangat mempengaruhi psikologi dan tingkah laku belia.

Kecerdasan emosi memerlukan transformasi adalah keupayaan mengurus emosi diri, motivasi diri, emosi empati dan emosi kemahiran sosial.

2.3 Gejala Sosial

Realiti kini telah jauh berubah seiring kepesatan kemajuan teknologi menyebabkan dunia seolah-olah tiada sempadan. Kepelbagaian budaya dan ideologi telah mempengaruhi minda generasi muda, khususnya melalui pelbagai saluran, antaranya media massa, media cetak dan media elektronik (Nanang Andhyan Mergining Mei, 2022). Wadah ini menjadi perantaraan pantas serangan budaya dan pemikiran generasi muda. Antaranya, ideologi hedonisme yang mementingkan keseronokan hiburan semata-mata dan mengabaikan hakikat kehidupan (Ismail, 2020). Kesannya, generasi muda seolah-olah 'ditidurkan' daripada cakna dengan realiti situasi kini. Pembaziran masa berlaku sedangkan generasi muda sepatutnya menggunakan masa ini untuk mengembangkan potensi diri.

Justeru, kajian berhubung generasi muda turut menjadi fokus utama dalam kajian akademik yang membincangkan hal-hal berkaitan pemerksaan generasi ini. Berikut merupakan statistik penglibatan dan tangkapan juvana dalam jenayah indexs Malaysia bagi tahun 2016-2021 :



Rajah 1 : Statistik Penglibatan Dan Tangkapan Juvana dalam Jenayah Indexs Malaysia bagi Tahun 2016-202. Sumber : Portal Rasmi Malaysia Youth Data Bank System.

Merujuk statistik di atas, penglibatan dan tangkapan juvana pada tahun 2016 berjumlah 7,985 tangkapan. Jumlah ini meningkat pada tahun 2017 iaitu sebanyak 8,118 tangkapan. Kadar didapati berkurang khusus pada tahun 2019-2021. Kadar penurunan ini kebarangkalian disebabkan faktor pandemik COVID-19 yang mengehadkan pergerakan rakyat melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walaupun statistik menunjukkan penurunan kadar jenayah juvana di Malaysia, namun tetap masih ditahap yang membimbangkan jika dilihat kepada jenis kes kesalahan, iaitu mencuri motosikal, curi, rogol, mencederakan dan samun.

Justeru, langkah pencegahan perlu diambil bagi membendung masalah ini dari menjadi lebih buruk pada masa hadapan. Langkah-langkah sewajarnya perlu diambil oleh semua pihak untuk membendung masalah ini. Oleh itu, artikel melihat kepada keperluan kembalinya kepada fitrah dalam mendepani sebarang situasi. Ini disebabkan elemen keagamaan atau kerohanian amat penting dalam membentuk nilai sahsiah diri generasi muda. Kajian ini menjadikan al-Quran sebagai sumber primer dalam membina satu model kecemerlangan yang boleh dijadikan strategi dalam memperkasakan generasi muda Melayu Bumiputera pada masa hadapan.

3. Metodologi Kajian

Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan metod kajian perpustakaan. Sumber rujukan adalah berbentuk primer dan sekunder. Sumber primer adalah al-Quran al-Karim, tafsir al-Quran dan statistik berkaitan kajian. Artikel-artikel jurnal serta kajian tesis juga turut dirujuk untuk mengukuhkan kajian.

Analisa kajian menggunakan kaedah analisa kandungan, iaitu al-Quran al-Karim. Beberapa pengkajian terdahulu menerusi artikel-artikel jurnal berkaitan istilah kecemerlangan dalam al-Quran dirujuk. Hasil penelitian menerusi artikel-artikel terdahulu mendapati terdapat 40 ayat berkaitan konsep *al-falah* yang dipaparkan dengan kata nama dan kata kerja. Kata nama yang disebutkan dalam al-Quran adalah *Muflihun* dan *Muflihun*, manakala kata kerja adalah *Aflaha*, *Yuflihu*, *Yuflihun*, *Tuflihuu* dan *Tuflihun*. Rentetan jumlah ayat yang banyak, maka kata nama sahaja yang dijadikan sebagai sampel kajian.

Istilah *Ulul al-Bab* diketengahkan dalam pembangunan model kecemerlangan rentetan istilah tersebut antara istilah yang kerap digunakan dalam bidang pendidikan dan modul pembangunan pendidikan kini. Artikel-artikel dirujuk untuk mengenalpasti ayat-ayat al-Quran yang menyebut *Ulul al-Bab*. Hasil rujukan mendapati terdapat 16 ayat al-Quran yang menyebut istilah ini. Terjemahan al-Quran dan kamus al-Idris al-Marbawi turut dirujuk. Ayat-ayat al-Quran berkaitan diteliti dan ditekankan menggunakan tema dan dirumuskan ciri-ciri kecemerlangan.

Pembangunan model diintegrasikan dengan peranan pelbagai pihak dan falsafah pendidikan kebangsaan kearah mengoptimumkan potensi individu dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Hasil integrasi ini, "Model kecemerlangan dalam Al-Quran sebagai Strategi Pemerkasaan Generasi Muda Melayu Bumiputera" diketengahkan dalam kajian ini.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan


Artikel ini membincangkan kepentingan untuk kembali kepada fitrah atau *sunnatullah* dalam membentuk insan cemerlang di masa hadapan. Sehubungan itu, satu model dicadangkan dengan melihat kepada maksud kecemerlangan yang disebutkan dalam al-Quran dan diadaptasi kepada pembentukan generasi muda, khususnya Melayu Bumiputera.

Konsep *al-Falah* menjurus kepada kejayaan, kecemerlangan dan keberuntungan. Konsep ini disebutkan dalam al-Quran sebanyak 40 kali menerusi kata *isim* (kata nama) sebanyak 13 ayat dan kata *fi'il* (kata kerja) sebanyak 27 ayat. Kata kerja yang disebutkan dalam al-Quran adalah *Aflaha*, *Yuflihu*, *Yuflihun*, *Tuflihuu*, dan *Tuflihun*. Manakala kata nama yang disebutkan dalam al-Quran adalah *Muflihun* dan *Muflihun*" (Abdul Mukti Baharudin, 2020). Rentetan jumlah ayat al-

Quran yang banyak, maka skop kajian artikel ini hanya melibatkan kata nama sahaja, iaitu istilah *Muflih* dan *Muflihun*.

Istilah kedua yang digunakan dalam kajian ini adalah *Ulul al-Bab*. Ini mempunyai pelbagai takrifan, antaranya kelompok manusia yang mempunyai intelektual, hikmah dan kebijaksanaan yang tinggi (Azizah Herawati, 2015). *Ulul al-Bab* merupakan gabungan dua perkataan iaitu *Ulul* dan *al-Bab*. Dalam kamus al-Idris al-Marbawi, *Ulul* bermaksud mempunyai atau memiliki. Manakala perkataan *al-Bab* berasal daripada perkataan *lubb* yang bermaksud akal dan hati yang bersih (al-Marbawi, 1990). *Ulul al-Bab* menggambarkan ketinggian nilai kemuliaan manusia yang menjurus kepada mereka yang berakal, dan mempunyai kebijaksanaan dalam kepelbagaian bidang (Nur Anis Abdullah et al., 2018).

Berikut merupakan cadangan model kecemerlangan yang menganalisis konsep *al-falah* menerusi kata *isim* dan *Ulul al-Bab*.



Rajah 2 : Model Kecemerlangan dalam Al-Quran sebagai Strategi Pemerkasaan Generasi Muda Melayu Bumiputera

Berdasarkan rajah di atas, perkataan *Muflihun* dan *al-Muflih* disebut sebanyak 13 kali dalam al-Quran (Abdul Mukti Baharudin, 2020). Perkataan tersebut ditemui di dalam Surah al-Baqarah : 5, Surah Ali Imran : 104, Surah al-A'raf : 8, Surah al-A'raf : 157, Surah at-Taubah : 88, Surah al-Mu'minun : 102, Surah an-Nur : 51, Surah ar-Rum : 38, Surah Luqman : 5, Surah al-Mujadalah : 22, Surah al-Hasyr : 9, Surah at-Taghabun : 16, Surah Qasas : 67 (Fikriyah, 2017). Merujuk kajian disertasi yang menganalisa 13 ayat tersebut berdasarkan *Tafsir al-Maraghi* dan *Tafsir Fi Zilal al-Quran*, orang-orang yang diertikan sebagai *al-Falah* atau berjaya adalah mereka yang beriman, bertaqwa, 'Amal ma'ruf nahi mungkar, beramal baik, jihad dan dermawan (Fikriyah, 2017). Selain itu, kajian lain merumuskan bahawa asas kejayaan seseorang adalah hasil gabungan akidah, syariah dan akhlak (Abdul Mukti Baharudin, 2020).

Istilah *Ulul al-Bab* pula disebutkan sebanyak 16 kali dalam al-Quran iaitu menerusi Surah al-Baqarah : 179, 197 dan 269, Surah Ali Imran : 7 dan 190, Surah al-Maidah : 100, Surah Yusuf : 111, Surah ar-Ra'd : 19, Surah Ibrahim : 52, Surah Saad : 29, Surah az-Zumar : 9,18 dan 21, Surah Ghafir : 54, Surah at-Talaq : 10 (Azizah Herawati, 2015). Hasil kajian dapat dirumuskan bahawa *Ulul al-Bab* itu adalah mereka yang bersungguh dalam mencari ilmu, berpegang kepada keadilan, berfikiran kritis, menyampaikan ilmu, mengambil pengajaran daripada peristiwa lepas, mendirikan solat, takut pada Allah, kelembutan hati, serta kejemihan fikiran dan mampu memahami sesuatu situasi masalah (Azizah Herawati, 2015).

Hasil analisis terhadap ayat-ayat ini mendapati, beriman, bertaqwa, *amal ma'ruf nahi mungkar*, beramal baik, jihad dan dermawan merupakan ciri yang ada pada *Muflihin* dan *Muflihin*, manakala bersungguh-sungguh dalam mencari ilmu, berpegang kepada kebaikan dan keadilan, kritis, menyampaikan ilmu, mengambil pengajaran daripada peristiwa lepas, mendirikan solat, takutkan Allah, kelembutan hati dan memahami sesuatu situasi masalah merupakan ciri-ciri kepada *Ulul al-Bab*.

Umumnya, semua ibu bapa menginginkan kejayaan bagi anak-anak mereka. Kebiasaanya, kejayaan dalam akademik dan kerjaya sering menjadi bahan penceritaan bukan sahaja di kedai kopi malah di media sosial. Kecemerlangan dalam akademik dan kerjaya sememangnya sebuah kejayaan di dunia yang perlu disyukuri, namun kejayaan tersebut dilihat sementara dan terputus setelah kematian. Nabi Muhammad SAW bersabda "*Apabila seseorang anak Adam itu meninggal dunia, maka terputuslah amalnya kecuali tiga perkara : sedekah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakan untuknya*" (JAKIM : 2020). Justeru itu, ibu bapa perlulah mendidik anak-anak untuk mengejar kejayaan duniawi dan ukhrawi dalam kerana itu merupakan titik kejayaan berdasarkan wahyu ilahi.

Berdasarkan rajah tersebut turut memaparkan institusi kekeluargaan yang merupakan institusi tarbiah paling awal. Ibu bapa mempunyai peranan yang sangat penting dalam pembentukan seorang anak. Antaranya, kepentingan peranan seorang ayah disebut di mana al-Quran menerusi pesanan Luqman al-Hakim kepada anaknya dalam Surah Luqman : 12-19. Nasihat tersebut meliputi aspek akidah, ibadah dan akhlak (Sabriadi, 2020). Nabi Ibrahim mendoakan anak dan keturunannya supaya menjauhi syirik dalam Surah Ibrahim : 35, mendirikan solat, disenangi orang, belimpahkan rezeki dan bersyukur dalam Surah Ibrahim : 37, menjadi pemimpin di dunia dalam Surah al-Baqarah :124 dan umat yang berserah diri dalam Surah al-Baqarah :128 (Rahmi, 2015). Begitu juga dengan kisah nabi Ya'kub dengan anak-anaknya di mana beliau tetap sabar dan mengawal kemarahan dalam menghadapi perilaku anak-anaknya. Hakikatnya, berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang disebut di atas, kejayaan secara hakiki berpaksikan kepada pembentukan diri yang beradab dan beretika sebagai faktor kejayaan seseorang di dunia dan di akhirat.

Institusi pendidikan merupakan sebuah tempat pendidikan secara formal, contohnya sekolah, pondok, madrasah dan universiti. Pada zaman Rasulullah SAW di Makkah, telah menjadikan rumah al-Arqam bin Abi Arqam sebagai institusi pendidikan awal (Hafiddin, 2015). Kini institusi pendidikan berkembang pesat dan menjadi aspek yang penting dalam melahirkan modal insan berkualiti. Pendidikan agama perlu ditekankan di sekolah-sekolah bagi melahirkan pelajar yang cemerlang. Pendidikan agama bukan sekadar dalam mata pelajaran agama tetapi diserap masuk ke dalam mata pelajaran yang lain, contohnya pengiraan pecahan dalam Matematik diintegrasikan dengan pengiraan faraid. Subjek sains juga boleh ditambahbaik dengan mengetengahkan ayat-ayat al-Quran berkaitan topik yang dipelajari. Adalah lebih baik pendidikan agama dijadikan mata pelajaran praktikal dan bukan diajar secara teori semata-mata. Pendidikan STEM (Sains, Teknologi dan Matematik) adalah fokus utama sistem pendidikan,

tetapi adalah lebih baik jika ia dikaitkan dengan al-Quran yang dapat membuka minda dan pengetahuan (Ramli et al., 2018).

Selain institusi keluarga dan pendidikan, peranan institusi sosial juga sangat penting dalam perkembangan seseorang individu khususnya generasi muda. Proses pendidikan dan pembentukan jati diri turut bergantung kepada persekitarannya (Ab Halim, 2004). Dalam budaya masyarakat Melayu suatu ketika dahulu, mengambil tahu perihal jiran adalah satu kebiasaan tetangga di mana anak jiran juga dianggap seperti anak sendiri. Jika ada anak-anak melakukan kesilapan, akan ditegur kesalahan tersebut. Namun begitu dengan perubahan zaman, masing-masing sibuk dengan urusan sendiri dan jarang mengambil tahu perihal sekeliling. Justeru, institusi sosial seperti masjid, surau persatuan penduduk, badan bukan kerajaan (NGO) dan juga saluran media perlulah aktif dan peduli akan generasi muda kini (Buerah Tunggak, Shanah Ngadi, 2015).

Undang-undang sahaja tidak memadai andai tiada penguatkuasaan. Undang-undang negara malah undang-undang syariah adalah perlu dalam mendisiplinkan masyarakat khususnya generasi muda. Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) boleh bekerjasama dalam mengambil tindakan dalam kepelbagaian jenayah yang melibatkan generasi muda di Malaysia. Tindakan dan hukuman sedikit sebanyak memberi pengajaran kepada individu lain.

Hasil daripada kepelbagaian peranan dari institusi keluarga, institusi pendidikan, institusi sosial dan undang-undang dilihat mampu memberi kesan positif dalam membentuk kecemerlangan khususnya generasi muda (Buerah Tunggak, Shanah Ngadi, 2015). Kecemerlangan ini tidak hanya tertumpu kepada aspek keduniaan semata-mata tetapi perlu kepada panduan wahyu agar kecemerlangan yang dikecapi di dunia dan akhirat. Hal ini selaras dengan falsafah Pendidikan Kebangsaan yang cuba memaksimumkan potensi pelajar dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) (Hamzah et al., 2015).

Secara rumusan, pemerksaan kepada golongan muda dan belia adalah penting memandangkan ia merupakan nadi kepada kemajuan sesebuah negara. Jika kecemerlangan golongan muda dapat ditingkatkan maka akan memberi impak positif dalam pelbagai aspek. Moral dan akhlak yang tinggi akan meningkatkan sesebuah peradaban bangsa. Justeru, konsep kecemerlangan menerusi al-Quran perlu dilihat dan dimanfaatkan bersama.

5. Kesimpulan

Insan yang cemerlang adalah mereka yang menyeimbangkan kehidupan dunia dan akhirat. Pada masa yang sama mereka berpegang teguh dengan akidah, syariah dan akhlak dalam kehidupan seharian. Mereka yang sentiasa menuntut dan menyampaikan ilmu, berfikiran kreatif, memiliki hati yang bersih, mengambil pengajaran daripada peristiwa yang berlaku, beriman, mengerjakan perbuatan baik dan meninggalkan perkara dilarang, memilih jalan taqwa dan pemurah. Kejayaan di dunia juga akan membawa kepada kejayaan di akhirat. Jika generasi muda Melayu Bumiputera dapat dicorakkan dan dibentuk untuk menjadi insan cemerlang seperti acuan al-Quran, sudah pasti ini akan memberi kesan yang sangat positif dalam pembinaan modal insan berkualiti. Pemerksaan generasi muda Bumiputera kini akan membentuk diri, keluarga, bangsa dan negara cemerlang pada masa hadapan.

Acknowledgement

We would like to express our gratitude to Voice of Academia Universiti Teknologi MARA Kedah Branch for giving us the opportunity to publish this study. We would also like to thank our colleagues who may have provided insights into completing this paper.

Rujukan

- Ab. Halim bin Tamuri & Khadijah Abdul Razak. (2004). Dakwah dalam Menangani Isu-isu Sosial di Kalangan Remaja. *International Seminar on Islamic Thoughts Proceeding*, UKM, Bangi, Selangor.
- Abdul Mukti Baharudin, M. T. J. (2020). Al-Falah Menurut Perspektif Al-Quran. *The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAH 2020)*, 2020(Thiqah), 21–24.
- Abdul Rahim, R. A., Ismail, P., Abd Majid, M. K., & Md. Dahlal, N. H. (2010). Batu Bersurat Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam. *Jurnal Fiqh*, 7(1), 107–148. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol7no1.6>
- Al-Marbawi, al-Sheikh Mohd Idris Abdul Rauf. 1990. *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Fikir.
- Azizah Herawati. (2015). Kontekstualisasi Konsep Ulul Albab di Era Sekarang. *Fikrah*, 3(1), 123–140.
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi, H. A. N. (2015). Delinkuen Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu (Students Delinquency and Proposed Solutions Through Teen Model of Conduct/ Integrated Muslim Students). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 7(2), 11-30–30.
- Farida, E. A., & Kridaningsih, A. (2022). Pengaruh Media Sosial terhadap Wawasan Kebangsaan pada Generasi Muda. *CIVICUS: Pendidikan-Penelitian-Pengabdian Pendidikan Pancasila dan Kewarganegaraan*, 9(2), 1-6.
- Fikriyah, A. (2017). Karakteristik Orang-orang Yang Meraih Al Falah Dalam Al Quran: Studi Perbandingan Tafsir Al Maraghi Karya Mustafa Al Maraghi Dan Tafsir Fi Zilal Al Quran Karya Sayyid Qutb. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
- Hafiddin, H. (2015). Pendidikan Islam pada Masa Rasulullah. *Jurnal Tarbiya*, 1(1), 17–30. <http://my.opera.com/bassayef/blog/2008/05/14/sejarah>
- Halim, H., Yusoff, K., Basir, A., Ahmad, S., & Saad, S. S. (2013). Pengaruh Islam dan Anjakan Paradigma Pemikiran Melayu: Satu Tinjauan. *Journal of Techno Social (JTS)*, 5(2), 18–30.
- Hamzah, M. S., Laki, A. F., Embong, R., & Din, N. M. (2015). Penerapan Akidah dalam Dasar Pendidikan Malaysia: Analisis Terhadap Falsafah Pendidikan Negara Dan Islam Hadhari. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9(Jan), 1–11.
- Ismail, M. (2020). Hedonisme dan Pola Hidup Islam. *Jurnal Ilmiah Islamic Resources*, 16(2), 193. <https://doi.org/10.33096/jiir.v16i2.21>
- Johar, S. S., Panatik, S. A., & Ibrahim, R. Z. A. R. (2021). Transformasi Ketahanan Kecerdasan Emosi dalam Psikologi dan Tingkah Laku Belia. *Human Sustainability Procedia*, 1(2), 57-66.

- Mohammad, A. (2005). Sumbangan Tamadun Islam dalam Kehidupan Masyarakat di Alam Melayu hingga Abad Ke-17M. *Jurnal Al-Tamaddun*, 1981, 68–84.
- Muslim, K. L. (2018). Nilai-Nilai Islam dalam Budaya dan Kearifan Lokal (Konteks Budaya Minangkabau). *Jurnal Fuaduna: Jurnal Kajian Keagamaan dan Kemasyarakatan*, 1(1), 48-57.
- Martini, E. (2018). Membangun Karakter Generasi Muda melalui Model Pembelajaran Berbasis Kecakapan Abad 21. *JPK (Jurnal Pancasila dan Kewarganegaraan)*, 3(2), 21-27.
- Mustari, M. I., Mohamed, A. K., Jasmi, K. A., & Ya'akob, R. (2004). Pembentukan nilai dan kecemerlangan bagi melahirkan generasi muda yang mapan dalam menghadapi era pasca modenisme.
- Marzuki¹, M., Abd Rahman, M. H., Kaspin, K. G., Basri, M., Jamal, N. M. M. N., & Othman, I. W. (2021). Universiti sebagai Medan Pembentukan Kecemerlangan Akhlak Mahasiswa.
- Nik Abdullah, N. S., & Maamor, S. (2015). Pembangunan Belia dari Perspektif Pengurusan Islam. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(2), 61-76.
- Nur Anis Abdullah, Rahimah Embong, & Azhar Yaacob. (2018). Pembinaan Modul Pemantapan Sahsiah Ulul Albab bagi Pelajar Islam. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(1), 8–20.
- Portal Rasmi Malaysia Youth Data Bank System. <https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&iid=178>. 8 Mac 2023.
- Portal Rasmi Muamalat dan Kewangan Islam, E-Muamalat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), <http://e-muamalat.islam.gov.my/ms/paparan-al-hadis/22-amalan-kekal-selepas-kematian>, 10 Jun 2021.
- Rahmi, R. (2015). Tokoh Ayah dalam Al-Quran dan Keterlibatannya dalam Pembinaan Anak. *Kafa`ah: Journal of Gender Studies*, 5(2), 202. <https://doi.org/10.15548/jk.v5i2.108>
- Ramli, A. A., Ibrahim, N. H., Yusof, F. M., & Surif, J. (2018). Critical thinking from stem education and Al-Quran perspectives. *Journal of Engineering Science and Technology*, 13(Special Issue on ICITE 2018), 35–41.
- Sholahudin, U. (2019). Globalisasi: Antara Peluang dan Ancaman bagi Masyarakat Multikultural. *Jurnal Sosiologi Pendidikan Humanis*, 4(2), 103-114.
- Sabriadi. (2020). Telaah Hidden Curriculum Pendidikan Islam Dalam al-Quran Surah Luqman. *Didaktika : Jurnal Kependidikan*, 14(1), 99–115.
- Sidek, S. (2010). Remaja Islam: kembali pada pemikiran al-Quran & Sunnah.

Subandowo, M. (2017). Peradaban dan produktivitas dalam perspektif bonus demografi serta generasi Y dan Z. *SOSIOHUMANIKA*, 10(2), 191-208.

Taib, M. R., Abdullah, Z., & Ghani, M. F. A. (2017). Kepimpinan Ulul Al-Bab: Kajian Awal Di Maktab Rendah Sains Mara. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(2), 60-79.



ISSN: : 1985-5079